

12/08/1997

Pahang larang terima hadiah

Noorwati Salleh

KUANTAN, Isnin - Kerajaan Pahang melarang jabatan, agensi kerajaan serta syarikat swasta menyediakan cenderahati atau hadiah kepada pemimpin politik dalam sebarang majlis di negeri ini, berkuatkuasa mulai hari ini.

Bagaimanapun, cenderahati berbentuk makanan seperti buah-buahan dibenarkan, terutama pada majlis anjuran penduduk kampung.

Ini kerana pemberian daripada penduduk kampung, terutama di luar bandar dianggap sebagai tanda penghormatan.

Ketika mengumumkan perkara itu, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan negeri akan mengarahkan Bahagian Protokolnya memaklumkan kepada jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat swasta tidak menyediakan sebarang cenderahati atau hadiah apabila mengadakan sesuatu majlis.

"Kita tidak akan membenarkan semua pemimpin politik di negeri ini menerima sebarang cenderahati, kecuali pemberian orang kampung seperti buah-buahan pada majlis tertentu di luar bandar.

"Jika ada syarikat tertentu mahu memberi sumbangan, mereka boleh menghadihkan buku kepada perpustakaan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai garis panduan yang akan dikeluarkan berhubung bentuk cenderahati dan hadiah yang boleh diterima pemimpin politik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, garis panduan itu penting bagi mengelakkan sesetengah pihak membuat anggapan kononnya hadiah atau cenderahati berkenaan juga sebagai satu bentuk rasuah.

Menurut Khalil, larangan menyediakan cenderahati dan hadiah itu berkuatkuasa serta merta.

Mengenai cenderahati yang diterima pemimpin politik, sebelum ini, beliau berkata, pihaknya akan meneliti garis panduan itu yang akan dikeluarkan Kerajaan Pusat.

(END)